

TARIKH : 21.12.2019
MEDIA : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 3

Dunia Islam perlu bergerak seiring kemajuan teknologi

Kongsi kepakaran, sumber ekonomi demi kemakmuran bersama: Azmin

Oleh Magendran Rajagopal;
Rohaniza Idris; Mohd Iskandar Ibrahim; Mohd Nasaruddin Parzi; Luqman Arif Abdul Karim dan Fahmy A Rosli
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Negara Islam perlu bergerak seiring kemajuan teknologi, berkongsi kepakaran dan sumber ekonomi demi kemakmuran bersama dengan yang lebih maju mesti membantu negara lemah dan tidak membiarkanannya terus ketinggalan.

Menerusi pendekatan seperti itu, Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata negara Islam yang kurang maju boleh mula mengatur gerak bersaing dalam pasaran lebih terkuat, selain meneroka peluang ekonomi di pasaran negara Islam yang luas lagi berpotensi.

"Adalah penting bahawa negara-negara Islam yang kaya dan lebih baik menyelaras sumber mereka untuk memajukan pembangunan modal insan berkehilangan tinggi di negara Islam yang kurang maju.

"Dengan cara ini, saya yakin akhirnya kita akan dapat menzahirkan wawasan kemakmuran bersama dalam kalangan ummah," katanya pada sesi pleno Pengagihan Kekayaan: Perkongsian Kemakmuran sempena Sidang Kemuncak Kuala Lumpur 2019 di sini, semalam.



Mohamed Azmin bersama Ahli Lembaga Penasihat Sidang Kemuncak Kuala Lumpur 2019, Datuk Dr Mohd Daud Bakar, Oussama, Mohd Asri dan Mohamed Amine pada Sidang Kemuncak Kuala Lumpur 2019, semalam.

(Foto BERNAMA)

Sesi itu turut menampilkan empat lagi ahli panel, iaitu Menteri Dalam Negeri Maldives, Imran Abdallah; Setiausaha Agung Majlis Pertubuhan Muslim Amerika Syarikat, Oussama Jamal; Mufti Perlis, Datuk Mohd Asri Zainul Abidin dan wakil Kyiv National University dari Ukraine, Dr Mohamed Amine Mokra.

Mohamed Azmin berkata, pendekatan makmur bersama dalam kerangka negara Islam mesti mempertukuh perdagangan bebas dan adil untuk menjana pertumbuhan ekonomi jangka panjang.

"Dalam hal ini, ia mengulangi perkara yang sudah diterokai mengenai faedah perdagangan dalam mata wang tempatan untuk mengelak kebergantungan kepada mata wang dominan lain," katanya berkongsi usaha Malaysia melaksanakan inisiatif makmur bersama menerusi kerja-

ma dengan beberapa negara Islam lain.

"Di bawah Dasar Jaminan Makanan Negara, Malaysia akan membangunkan sebuah ladang tenusu terbesarnya dengan kerjasama Qatar serta memanfaatkan teknologi dan kepakaran mereka.

"Kami juga meningkatkan kerjasama dengan Turki yang mempunyai industri pertahanan lebih maju dan menghasilkan lebih 70 peratus peralatan ketenteraannya sendiri. Turki juga salah satu

daripada empat negara pengeluar dron paling maju di dunia," katanya.

Malaysia juga, katanya, melihat kejayaan Indonesia mewujudkan persekitaran perniagaan mesra teknologi seperti GoJek sebagai gig ekonomi baru yang menjana pendapatan tambahan.

GoJek adalah syarikat rangkaian pengangkutan dan permuatan logistik yang berpusat di Jakarta, Indonesia dengan perkhidmatannya boleh dilanggar menggunakan aplikasi yang dibangunkan.

"Kami juga sokong penubuhan kilang pemasangan PROTON di Karachi menjelang 2021, bertujuan menjana pelaburan dan mewujudkan peluang kerja kepada rakyat Pakistan serta merangsang kegiatan komersial. Ia juga mempamerkan kemajuan dan kepakaran Malaysia dalam kejuruteraan automotif," katanya.